

Kerjasama erat kurangkan jenayah

KENYATAAN Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Mohd Bakri Zinin yang tidak menolak kemungkinan kesan krisis ekonomi global antara penyebab meningkatnya jenayah di Malaysia tahun ini amat menaraikan perhatian.

Walaupun kesan krisis ekonomi bukan faktor utama kepada peningkatan jenayah, terdapat kajian yang membuktikan perilaku jenayah disumbangkan daripada tekanan ekonomi seperti kesempitan wang dan keperluan hidup. Perilaku jenayah juga berlaku apabila ada ruang dan peluang daripada kelalaian dan kecuaiannya individu.

Dalam kajian yang membabitkan temu ramah agensi *Reuters*, hampir kebanyakan ahli kriminologi, ahli sosiologi dan ketua polis menjangkakan akan terdapat peningkatan dalam kategori jenayah tertentu dalam tempoh akan datang di Amerika Syarikat berikutan krisis ekono-

mi yang semakin tidak menentu ini.

Walaupun ada perdebatan panjang antara hubungan jenayah dan ekonomi, Richard Resenfeld, seorang ahli sosiologi di University of Missouri, St Louis menjelaskan kadar berlaku jenayah meningkat setiap kali berlaku kemelesetan ekonomi.

Apa yang menarik untuk diketahui ialah jenayah yang dikatakan meningkat membabit jenayah bersifat oportunistik iaitu yang memberi peluang dan ruang kepada penjenayah untuk melakukannya. Jenayah seperti ini selalu berlaku apabila terdapat ruang dan peluang yang diakibatkan oleh kelalaian dan kecuaiannya individu.

Hubungan antara jenayah dengan krisis ekonomi boleh berlaku apabila individu yang kehilangan pekerjaan rasa tertekan, bimbang dan rasa tidak menentu.

Kenneth Manges, seorang ahli psikologi forensik menjelaskan bahawa individu yang terdedah kepada teka-

nan akibat dibuang kerja boleh bertingkah laku di luar kawalan mereka.

Individu ini rasa tidak berdaya dan menggunakan daya tindak yang salah untuk mendapatkan balik kekuatan diri. Terdapat juga individu yang dibuang kerja akan menggunakan keganasan sebagai salah satu cara menunjukkan kekecewaan dirinya mengikut Ed Bridgeman, seorang profesor di University of Cincinnati. Ini termasuk melakukan tingkah laku jenayah terutama dalam keadaan kegawatan ekonomi.

Dalam keadaan jenayah berlaku, setiap rakyat perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dengan memastikan peluang dan ruang untuk jenayah berlaku seboleh mungkin diminimumkan.

Masyarakat juga perlu bekerjasama dengan pihak polis apabila mendapati terdapat kecenderungan untuk jenayah berlaku.

Sikap prihatin jiran sekeliling dan orang ramai boleh banyak membantu dalam

mengurangkan berlaku jenayah.

Walaupun peningkatan indeks jenayah 1.75 peratus sehingga Oktober tahun ini masih rendah berbanding negara jiran dan menjadikan negara ini masih selamat untuk didiami, PDRM perlu sentiasa memantau perkembangan senario global terutama kesannya kepada perlakuan jenayah.

Mengurangkan kadar jenayah adalah tanggungjawab semua pihak. Dalam keadaan situasi ekonomi yang semakin tidak menentu, wajar jika setiap individu lebih berhati-hati agar tidak menyediakan peluang dan ruang untuk jenayah dilakukan.

Faktor keluarga, persekitaran, pendatang asing amat wajar juga diberi perhatian dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

DR SAPORA SIPON,
*Universiti Sains Islam
Malaysia (Usim), Nilai,
Negeri Sembilan.*